

TAKLIMAT KESEDARAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (SPKKP) ISO45001:2018

28 JULAI 2022

PUSAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PERKERJAAN



SPKKP


UMS melaksana, mengemaskini dan menambahbaik SPKKP yang merangkumi proses yang diperlukan dan interaksi Sistem pengurusan tersebut mengandungi elemen-elemen utama iaitu Dasar KKP, perancangan, pelaksanaan dan operasi, penilaian prestasi dan penambahbaikan berterusan.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (4)

Isu Dalam dan Luaran
(4.1)

Konteks organisasi (4)

Keperluan dan jangkaan warga kerja dan pihak berkepentingan yang lain (4.2)



Klausa 4

Konteks Ogranisasi

4.1 Memahami organisasi dan konteksnya

UMS mengenalpasti isu luaran dan dalaman (Lampiran 2) yang berkaitan dengan matlamat dan mempengaruhi kemampuan untuk mencapai keberhasilan SPKKP.


4.2 Memahami keperluan dan jangkaan pekerja serta pihak berkepentingan

UMS mengenalpasti:

- Pihak berkepentingan, selain daripada kakitangan, yang berkaitan dengan SPKKP;
- Keperluan dan jangkaan kakitangan dan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan SPKKP (Lampiran 3);
- Keperluan dan jangkaan tersebut di atas yang merupakan keperluan perundangan atau keperluan lain.

4.3 Skop Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Skop pelaksanaan SPKKP di UMS adalah berasaskan kepada kehendak Standard ISO 45001:2018 merangkumi proses perkhidmatan dan operasi pengurusan Jabatan, Akademi, Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian terpilih di UMS yakni melibatkan 28 JFPIB pada tahun 2021



Klausu 5

Kepimpinan

5.1 KEPIMPINAN DAN KOMITMEN

Pengurusan Atasan UMS komited kepada pembangunan dan pelaksanaan SPKKP, dan sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambahbaik sistem bagi menjamin keberkesanannya.

5.3 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA DALAM ORGANISASI

Tugas-tugas pegawai atasan dan kakitangan yang lain berkaitan SPKKP adalah seperti yang termaktub dalam senarai tugas dan tanggungjawab masing-masing.


5.2 DASAR KKP

- Didokumentasikan sebagai dokumen
- Dikomunikasikan kepada semua kakitangan;
- Dikomunikasikan kepada pihak berkepentingan;
- Dikemaskini agar ia relevan dan bersesuaian dengan konteks organisasi.

5.4 PERUNDINGAN DAN PENYERTAAN PEKERJA

UMS mewujudkan, melaksana dan mengemaskini proses bagi proses perundingan dan penyertaan kakitangan di semua peringkat dan fungsi berkaitan serta dengan wakil pekerja dalam pembangunan, perancangan, pelaksanaan, penilaian prestasi dan tindakan pembaikan SPKKP

Rujuk PKKP-04: Prosedur Komunikasi, Penglibatan dan Perundingan



6.1 TINDAKAN MENANGANI RISIKO DAN PELUANG

Dalam perancangan SPKKP, UMS mempertimbangkan isu-isu dalaman dan luaran; kehendak dan jangkaan pihak berkepentingan; dan skop SPKKP dalam mengenalpasti risiko dan peluang yang perlu ditangani melalui:

- i. Daftar Risiko dan Peluang (6.1.2)
- ii. Daftar HIRARC -hazard (6.1.1)

Rujuk
PKKP-01: Prosedur Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko
PKKP-39: Prosedur Pengurusan Risiko

6.1.3 PERUNDANGAN DAN KEPERLUAN LAIN

UMS mewujudkan prosedur bagi mengenalpasti serta mempunyai akses kepada perundangan dan keperluan lain berkaitan KKP terhadap hazard, risiko & peluang kkp & SPKKP di UMS

Rujuk PKKP-02: Prosedur Perundangan dan Keperluan Lain.

Klausu 6

Perancangan

6.2 Objektif KKP dan Perancangan Mencapai Objektif

6.2.1 Objektif KKP

Objektif KKP adalah matlamat keseluruhan KKP di UMS sejajar dengan Dasar KKP bagi memastikan pelaksanaan dan penambahbaikan berterusan SPKKP dan prestasi KKP.

6.2.2 Perancangan Mencapai Objektif KKP

Objektif dan Program KKP perlulah dikomunikasikan kepada semua kakitangan menerusi latihan kesedaran dan didokumentasikan. UMS telah merangka dan melaksana program bagi mencapai objektif yang ditetapkan.



Klausu 7

Sokongan

7.1 SUMBER

UMS mengenalpasti dan menyediakan sumber yang diperlukan untuk mewujudkan, melaksana, menyelenggara dan menambahbaik secara berterusan SPKKP.

Naib Canselor UMS komited dalam memastikan KKP di kalangan kakitangan dan akan menonjolkan kepimpinan dalam semua aktiviti KKP

7.2 KOMPETENSI

UMS akan mengenalpasti keperluan latihan dan kompetensi KKP bagi kakitangan di UMS supaya mereka prihatin dengan aspek KKP dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Rujuk PKKP-03: Prosedur Kompetensi dan Latihan.

7.3 KESEDARAN

UMS memastikan bahawa kakitangan yang melaksanakan tanggungjawab mempunyai tahap kesedaran berkaitan:

1. Dasar KKP dan Objektif KKP;
2. Sumbangan mereka kepada keberkesanan SPKKP termasuk manfaat peningkatan prestasi KKP;
3. Implikasi dan potensi kesan ketidakpatuhan terhadap keperluan SPKKP;
4. Insiden dan hasil daripada penyiasatan yang berkaitan dengan mereka;
5. Hazard, risiko KKP dan tindakan yang berkaitan dengan mereka;
6. Keupayaan mereka untuk menghindarkan diri daripada aktiviti kerja yang dianggap tidak selamat dan berbahaya.

7.4 KOMUNIKASI

Rujuk PKKP-04: Prosedur Komunikasi, Penglibatan dan Perundingan.

Klausu 7

Sokongan

7.4 KOMUNIKASI

UMS mewujudkan, melaksana dan menyelenggara proses-proses yang diperlukan untuk komunikasi dalaman dan luaran yang berkaitan terhadap SPKKP

Rujuk PKKP-04: Prosedur Komunikasi, Penglibatan dan Perundingan.

7.4.1 KOMUNIKASI DALAMAN

Komunikasi dalaman kepada kakitangan melalui mesyuarat, pekeliling, surat, emel, faks, memo, telefon, papan kenyataan, laman sesawang UMS, intranet, risalah, perhimpunan bulanan, peti cadangan dan lain-lain.

7.4.2 KOMUNIKASI LUARAN

Sebaran maklumat KKP luaran melibatkan penyampaian maklumat kepada kontraktor, pelajar, pelawat dan orang awam berkaitan KKP dibuat menerusi taklimat, laman sesawang UMS, emel, faks, telefon dan mesyuarat serta perundingan.

Klausu 8

Operasi

8.1 PERANCANGAN OPERASI DAN KAWALAN

UMS merancang, melaksana, mengawal dan menyelenggara proses-proses yang diperlukan untuk memenuhi keperluan SPKKP dan melaksana tindakan yang ditetapkan dalam Klausu 6.

8.1.2 PENGHAPUSAN HAZARD DAN MENGURANGKAN RISIKO KKP

UMS mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggara proses-proses menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko KKP dengan menggunakan hierarki kawalan.

8.1.3 PENGURUSAN PERUBAHAN

UMS menyemak semula kesan-kesan perubahan tidak dirancang, mengambil langkah untuk mengurangkan kesan-kesan negatif.

Rujuk PKKP-40: Prosedur Perancangan dan Pengurusan Perubahan

8.1.4 PEROLEHAN

Rujuk PKKP-07: Prosedur Perolehan

8.1.5 KONTRAKTOR

Rujuk PKKP-08: Prosedur Kawalan Kontraktor

8.1.6 PENYUMBERAN LUAR

UMS juga memastikan proses-proses dan fungsi penyumberan luar dikawal.

Klausa 8 Operasi

8.2 PERSEDIAAN DAN TINDAKAN KECEMASAN

UMS merancang, melaksana, mengawal dan menyelenggara proses-proses yang diperlukan untuk memenuhi keperluan SPKKP dan melaksana tindakan yang ditetapkan dalam Klausa 6.

8.1.2 PENGHAPUSAN HAZARD DAN MENGURANGKAN RISIKO KKP

UMS mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggara proses-proses menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko KKP dengan menggunakan hierarki kawalan.

8.1.3 PENGURUSAN PERUBAHAN

UMS menyemak semula kesan-kesan perubahan tidak dirancang, mengambil langkah untuk mengurangkan kesan-kesan negatif.

Rujuk PKKP-40: Prosedur Perancangan dan Pengurusan Perubahan

8.1.4 PEROLEHAN

Rujuk PKKP-07: Prosedur Perolehan

8.1.5 KONTRAKTOR

Rujuk PKKP-08: Prosedur Kawalan Kontraktor

8.1.6 PENYUMBERAN LUAR

UMS juga memastikan proses-proses dan fungsi penyumberan luar dikawal.



8.2 Persediaan dan Tindakan Kecemasan

Rujuk PKKP-09 : Prosedur Pelan Tindakan Kecemasan.

1. Mewujud serta mengemaskini penyusunan prosedur untuk pencegahan, persediaan dan tindakan terhadap sebarang insiden kecemasan termasuk penggunaan kit pertolongan cemas. Penyusunan ini akan mengenalpasti segala potensi untuk berlaku, kemalangan dan situasi kecemasan serta memberikan penumpuan tentang pencegahan risiko KKP yang berkaitan dengan aktiviti di UMS;
2. Menyediakan latihan bagi tindakan yang terancang;
3. Melatih dan menguji keupayaan tindakan terancang secara berkala;
4. Menilai prestasi dan sekiranya perlu, menyemak tindakan terancang, termasuk selepas pengujian dan khususnya selepas berlakunya kejadian kecemasan;
5. Berkomunikasi dan menyediakan maklumat yang berkaitan kepada kakitangan berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka serta kepada kontraktor, pelawat, perkhidmatan tindakan kecemasan, pihak berkuasa dan juga komuniti tempatan;
6. Mengambil kira keperluan dan keupayaan kesemua pihak berkepentingan dan memastikan penyertaan mereka yang bersesuaian dalam membangunkan tindakan terancang.

Klausa 9

PENILAIAN PRESTASI

9.1 PEMANTAUAN, PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENILAIAN PRESTASI

Rujuk PKKP-10: Prosedur Pemantauan Dan Pengukuran Prestasi.

9.1.2 Penilaian Pematuhan

Rujuk PKKP-02: Prosedur Perundangan dan Keperluan Lain

9.2 Audit Dalaman

Menjalankan audit dalaman sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memberikan maklumat sama ada SPKKP:

- Kepatuhan kepada keperluan organisasi bagi SPKKP termasuk dasar dan objektif KKP;
- Kepatuhan kepada keperluan standard MS ISO 45001:2018.
- Dilaksanakan dengan berkesan dan dikemaskini.

Rujuk PKKP-13: Prosedur Audit Dalaman

9.3 Kajian Semula Pengurusan

Pihak pengurusan tertinggi termasuklah Naib Canselor UMS, Wakil Pengurusan SPKKP, Dekan, Pengarah dan Ketua JAFPIB yang menyertai skop pensijilan SPKKP serta kakitangan yang terlibat (sekiranya perlu) akan membuat Kajian Semula kepada kesesuaian dan keberkesanan SPKKP sekali setahun

KLAUSA 10

PENAMBAHBAIKAN



10.2 Insiden, Ketidakpatuhan dan Tindakan Pembetulan

Rujuk PKKP-12 Prosedur Tindakan Pembetulan dan
PKKP-11: Prosedur Penyiasatan Insiden

10.3 Penambahbaikan Berterusan

UMS menambahbaik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan SPKKP secara berterusan





**Sekian,
Terima kasih.**